

07/11/2001

Cara berhemah perangi keganasan

GENAP sebulan selepas Amerika Syarikat dan sekutunya melancarkan siri pengeboman ke atas Afghanistan, pengganas yang menjadi sasaran mereka belum seorang pun ditemui. Osama bin Laden masih terus muncul menerusi rakaman pita video eksklusif kepada stesen al-Jazeera yang dipancarkan ke seluruh dunia sebagai bukti dia masih bernyawa. Pengikut kumpulan Al-Qaeda pimpinannya yang dikatakan dilatih dan menyusup di kawasan pergunungan Afghanistan tidak seorang pun yang tersenarai di kalangan mereka yang cedera atau terbunuh. Malah, di sebalik kecanggihan perisikan Amerika, tempat persembunyian pengganas gagal dikenal pasti. Malangnya, daripada menyedarkan Amerika bahawa serangannya cuma sia-sia, ia sekadar membuat mereka lebih berdendam sehingga menggugurkan 100 butir bom Ahad lalu.

Mungkin bersandarkan hakikat bahawa kira-kira 5,000 korban runtuh Pusat Dagangan Dunia (WTC) dan sebahagian Pentagon, 11 September lalu adalah di kalangan orang awam, maka Amerika melihatnya sebagai tepat untuk warga tua, wanita dan kanak-kanak Afghanistan sebagai mangsa. Jika itulah kecenderungan Amerika, maka ia tidak langsung membezakan mereka dengan pengganas, malah harus jauh lebih kejam berdasarkan serangan tanpa henti.

Setakat ini, bantahan terhadap serangan Amerika dan sekutunya semakin meluas merentasi sempadan negara Islam. Daripada sekecil-kecil kumpulan hinggalah pertubuhan yang dianggotai negara-negara, pelbagai pernyataan dibuat, antaranya menuntut takrif lebih jelas terhadap keganasan dan pengganas, punca ia tercetus selain perlunya satu persidangan antarabangsa di bawah panji-panji Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi menanganinya. Namun, sebagaimana Sidang Kemuncak Asean yang berakhir di Bandar Seri Begawan semalam, tidak ada persamaan pandangan di kalangan negara anggota bagi merumuskan tindakan bersama memerangi keganasan. Kecuali Malaysia dan Indonesia yang lantang menyuarakan serangan ke atas Afghanistan perlu dihentikan, negara lain tidak bertegas. Singapura, terutamanya, kekal dengan pendirian pro-Amerika.

Barangkali kata dua Presiden George W Bush "sama ada anda bersama kami atau menentang kami" dalam perisytiharan perangnya terhadap pengganas membuat sesetengah negara termasuk Singapura, enggan menyatakan pendirian sebenar. Sambil sesetengah negara mungkin berpandangan bahawa sebarang langkah menghentikan serangan ke atas Afghanistan tidak akan menyelesaikan ancaman pengganas daripada berulang, namun ia sekurang-kurangnya dapat mengelakkan lebih ramai orang awam daripada terkorban. Inilah yang berulang kali dinyatakan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Brunei bahawa bukan semua pengganas berpangkalan di Afghanistan dan usaha menggempur mereka bukanlah penyelesaian terbaik secara jangka panjang.

Sebagaimana yang kerap ditegaskan Perdana Menteri, tindakan ketenteraan bukanlah satu-satunya jalan yang ada, sebaliknya menyebabkan orang yang tidak bersalah turut diserang hingga mencetuskan kemarahan umat Islam di seluruh dunia. Dengan mengenal pasti siapakah sebenarnya pengganas serta punca keganasan berlaku, apa juga tindakan susulan yang diambil bukan secara berteka-teki atau teraba-raba. Di sebalik sikap kurang bertegas sesetengah negara, namun komitmen yang diperolehi daripada sidang di Brunei itu ter- hadap perlunya satu seminar khusus mengenai keganasan pada peringkat Asean menjanjikan masih ada sinar di hujung terowong untuk penyelesaian lebih berkesan dicadangkan. Ada- lah diharapkan seminar yang dijadualkan berlangsung April depan itu akan disusuli satu persidangan peringkat antarabangsa sekalipun PBB dilihat tidak langsung memainkan

peranannya kerana terlalu mengikut telunjuk Amerika. Kerana itu, Amerika harus ditunjukkan bahawa bukan mereka saja yang harus memerangi pengganas sedangkan ia menjadi tanggungjawab bersama semua negara di dunia.

(END)